

## **Ke Arah Pelaksanaan Perakaunan Asas Akruan Di Malaysia: Cadangan Perakaunan dan Perundangan Bagi Aset Warisan**

**Norida Basnan, Mohd Fairuz Md. Salleh, Azlina Ahmad  
Azmi Harun, Azizah Mohd Harun**

Pusat Pengajian Perakaunan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

<https://doi.org/10.58458/ipnj.v03.01.02.0027>

### **Abstract**

The shift from cash basis to accrual basis accounting by the Federal Government beginning 2015, under the Economic Transformation Plan of the 10th Malaysian Plan can be seen as an effort to improve governmental reporting which can be used as a medium to increase transparency and discharge accountability to stakeholders. Based on the experiences of countries which have adopted the accrual basis accounting, the shift bring fourth several issues, among which are the issues of recognition and measurement of specialised and unique assets such as heritage assets which exist only in the public sector. This research is an effort to assist the government in developing governmental accounting standards for heritage assets and to assist in determining the required changes in financial acts and circulars. This research adopts the qualitative approach which combines interviews with content analysis and focus groups. The three departments under the Ministry of Information, Communication and Culture being focused in this research are the National Heritage Department, National Archive Department and Department of Museum. The research looks at current practice of accounting and management of assets, compares the accounting and reporting practices of countries that have adopted accrual basis accounting which are the United States of America, Australia, New Zealand and United Kingdom. The research also examined the current accounting and reporting regulation and policies as well as those of the four countries that have adopted accrual basis accounting. The suggestions forwarded based on the research findings are expected to assist in developing guidelines for the accounting and reporting of heritage assets of the Federal Government of Malaysia.



## **Ke Arah Pelaksanaan Perakaunan Asas Akruan Di Malaysia: Cadangan Perakaunan dan Perundangan Bagi Aset Warisan<sup>1</sup>**

**Norida Basnan, Mohd Fairuz Md. Salleh, Azlina Ahmad  
Azmi Harun, Azizah Mohd Harun**

Pusat Pengajian Perakaunan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **Abstrak**

Peralihan daripada perakaunan asas tunai kepada perakaunan asas akruan; yang akan dilaksanakan di peringkat Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2015, di bawah Program Transformasi Ekonomi dalam Rancangan Malaysia Ke-10 boleh dilihat sebagai usaha ke arah pelaporan kewangan kerajaan yang lebih baik yang berupaya bertindak sebagai salah satu medium untuk menjelaskan ketelusan dan akauntabiliti kerajaan kepada pihak yang berkepentingan. Berdasarkan pengalaman negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan, peralihan kepada asas ini telah menimbulkan beberapa isu perakaunan yang antara lainnya ialah isu berkaitan pengiktirafan dan penilaian aset fizikal khususnya aset yang mempunyai ciri-ciri khusus dan unik yang hanya wujud di sektor awam seperti aset warisan. Kajian ini merupakan satu usaha untuk membantu kerajaan dalam pembangunan piawaian perakaunan kerajaan berkaitan aset warisan serta membantu dalam menentukan setakat mana akta dan pekeliling kewangan berkaitan perlu dipinda. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan kaedah temubual, analisis kandungan dan kumpulan fokus. Tiga jabatan di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan iaitu Jabatan Warisan Negara, Jabatan Arkib Negara dan Jabatan Muzium Malaysia terlibat dalam kajian ini. Kajian melihat amalan semasa perakaunan dan pengurusan aset, perbandingan amalan perakaunan dan pelaporan di empat negara yang telah melaksana perakaunan asas akruan iaitu Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan United Kingdom. Selain dari itu kajian turut dilakukan ke atas perundangan dan peraturan serta polisi perakaunan dan pelaporan sedia ada serta di empat negara berkenaan yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan. Cadangan yang dikemukakan hasil dari kajian ini dijangka dapat membantu dalam membangunkan garis panduan untuk mengakaun dan melaporkan aset warisan khususnya di peringkat Kerajaan Persekutuan Malaysia.

### **Pengenalan**

Perakaunan asas akruan telah diiktiraf mampu memberi gambaran yang lebih terperinci dan lengkap mengenai kemampuan kewangan awam (MAPEN 2010; MIA 2011) dan

<sup>1</sup> Artikel ini adalah berdasarkan projek penyelidikan dalam tahun 2012-2013 yang dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

seterusnya membantu sesebuah organisasi awam untuk meningkatkan akauntabiliti (Allen 2002; Groot dan Budding, 2008; Ouda 2010). Sebagai prinsip asas demokrasi, akauntabiliti amat dititikberatkan dalam pengurusan kewangan awam (Bergmann, 2011). Selaras dengan kepentingan ketelusan dan akauntabiliti kerajaan, di Malaysia, satu reformasi kewangan iaitu peralihan daripada perakaunan asas tunai kepada perakaunan asas akruan akan dilaksanakan di peringkat Kerajaan Persekutuan di bawah Program Transformasi Ekonomi, Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK 10) mulai tahun 2015.

Usaha ini dilihat sebagai satu landasan ke arah pelaporan kewangan kerajaan yang lebih baik yang berupaya bertindak sebagai salah satu medium untuk menjelaskan ketelusan dan akauntabiliti kerajaan kepada pihak yang berkepentingan. Walau bagaimanapun, berdasarkan pengalaman negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan, peralihan kepada asas ini telah menimbulkan beberapa isu perakaunan yang antaranya ialah isu berkaitan perakaunan aset kerajaan yang mempunyai ciri-ciri khusus dan unik seperti aset warisan.

Menurut Christiaens, Rommel, Barton & Everaert (2012) dan Wynne (2004), tidak seperti kebanyakan aset fizikal kerajaan, masih terdapat persoalan dan perdebatan dari segi pelaporan kewangan aset warisan. Berdasarkan pengalaman negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan, masih tidak terdapat keseragaman berkaitan perakaunan dan pelaporan aset warisan. Penyelesaian kepada persoalan berkaitan pengiktirafan aset berkenaan adalah bergantung kepada ciri-ciri aset tersebut sepertimana yang ditakrifkan dan juga bergantung kepada pertimbangan negara yang terlibat. Isu berkaitan perakaunan dan pelaporan aset warisan ini juga berkemungkinan dihadapi oleh Kerajaan Malaysia apabila peralihan kepada perakaunan asas akruan dilaksanakan. Selain itu, untuk memastikan kejayaan perakaunan asas akruan, salah satu perkara penting yang perlu ditangani oleh kerajaan yang akan beralih kepada perakaunan asas akruan adalah pemilihan dan pelaksanaan polisi perakaunan yang tepat dan selari dengan piawaian perakaunan berkaitan (Khan dan Mayes, 2009).

Objektif kajian ini adalah untuk mencadangkan perlakuan perakaunan asas akruan yang sesuai bagi aset warisan yang selari dengan keperluan piawaian perakaunan antarabangsa, keperluan atau persekitaran tempatan serta amalan terbaik negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan dan mencadangkan pindaan/tambahan kepada undang-undang dan peraturan sedia ada yang berkaitan. Kajian ini merupakan satu usaha untuk membantu pihak kerajaan dalam memastikan kejayaan peralihan perakaunan kepada asas akruan khususnya bagi menentukan perlakuan perakaunan dan pelaporan yang tepat bagi aset-aset kerajaan termasuk aset yang mempunyai ciri-ciri khusus serta unik seperti aset warisan dan seterusnya menyokong agenda transformasi ekonomi.

Perlakuan perakaunan yang tepat terhadap aset berciri khusus dan unik ini dapat memberi gambaran lebih jelas tentang kedudukan kewangan kerajaan dan menambahbaik pengurusan aset seperti keputusan penyelenggaraan atau pemeliharaan aset. Maklumat aset yang jelas dan menyeluruh termasuk maklumat aset warisan juga dapat membantu pelaksanaan

pengekosan dan pengukuran prestasi yang lebih baik. Cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini boleh dijadikan garis panduan kepada pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia khususnya dan pihak-pihak lain yang terlibat amnya dalam membentuk polisi perakaunan, membangunkan piawaian perakaunan kerajaan serta garis panduan perakaunan dan pelaporan berkaitan aset yang mempunyai ciri-ciri khusus dan unik seperti aset warisan. Selain itu cadangan ini juga boleh dijadikan input untuk mengemaskini perundangan dan peraturan sedia ada yang berkaitan dalam menentukan setakat mana ia perlu dipinda dan/ atau ditambah.

Bahagian berikutnya, kertas ini menyediakan sorotan literatur diikuti dengan perbincangan tentang kaedah kajian. Seterusnya, laporan mengenai dapatan kajian dan perbincangan disediakan, sebelum diakhiri dengan kesimpulan.

### **Sorotan Literatur**

Piawaian Perakaunan Antarabangsa Sektor Awam 17 (*International Public Sector Accounting Standard-IPSAS 17*) merujuk aset warisan sebagai aset yang mempunyai kepentingan kebudayaan, persekitaran dan kepentingan sejarah. Sebagai contoh, bangunan yang mempunyai nilai sejarah, monumen, tapak arkeologi, artifak dan koleksi kerja kesenian. Menurut Blondal (2003), isu utama yang melibatkan aset warisan ialah penentuan nilai aset berkenaan. Ini adalah kerana faktor nilai budaya yang sukar diukur dengan nilai wang, jangka hayat aset yang sangat panjang sehingga menjangkau ratusan tahun, kos perolehan aset yang biasanya tidak diketahui serta ketiadaan nilai pasaran memandangkan lazimnya aset warisan dilindungi oleh undang-undang daripada dijual yang menyebabkan nilai gantian tidak dapat ditentukan.

Artifak yang dipamerkan di muzium dan galeri seni misalnya merupakan aset warisan yang mana penilaian aset tersebut didapati berbeza antara negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan. Menurut Blondal (2003), negara seperti New Zealand menilai aset warisan yang terdapat di muzium dan galeri seni mengikut nilai pasaran yang dikeluarkan oleh organisasi lelongan antarabangsa (*International Auction House*). Manakala, sebahagian negara *Organization for Economic Co-Operation and Development* (OECD) menilai aset warisan pada nilai pasaran hanya bagi aset baru yang diperolehi selepas peralihan kepada asas akruan dan tidak bagi aset warisan sedia ada yang dipamerkan di muzium atau di galeri seni. Bagi bangunan bersejarah yang sebahagiannya digunakan sebagai pejabat kerajaan, persoalannya ialah samada keseluruhan bangunan perlu diiktiraf sebagai aset warisan atau hanya bahagian aset yang tidak digunakan sebagai pejabat kerajaan diiktiraf sebagai aset warisan manakala bahagian aset yang digunakan sebagai pejabat kerajaan diiktiraf sebagai aset bangunan biasa. Kesukaran dan persoalan tentang penilaian dan penentuan susutnilai aset warisan ini juga ditimbulkan oleh Khan dan Mayes (2009).

Menurut IPSAS 17, aset warisan tidak diiktiraf sebagai aset kecuali apabila kriteria pengiktirafan bagi aset Hartanah, Loji dan Peralatan ditepati iaitu (a) berkemungkinan manfaat ekonomi

atau perkhidmatan berkaitan dengannya pada masa depan akan mengalir masuk ke dalam entiti; dan (b) kos atau nilai saksama aset berkenaan boleh diukur dengan munasabah. Walau bagaimanapun, IPSAS 17 tidak menetapkan unit ukuran bagi pengiktirafan aset berkenaan, sebaliknya mencadangkan agar pertimbangan digunakan dalam menentukan unit ukuran yang bersesuaian dengan mengambilkira situasi spesifik entiti terlibat. Persoalan berkaitan pengiktirafan aset warisan seperti yang telah dibincangkan di atas adalah penting untuk diberi perhatian kerana ia melibatkan pertimbangan dan kemahiran teknikal yang terdedah kepada risiko kesilapan dan salahnyataan yang boleh menjejaskan kualiti pelaporan kewangan yang dihasilkan serta membantutkan hasrat untuk menjadikan pelaporan kewangan sebagai satu medium untuk menjelaskan ketelusan dan akauntabiliti kerajaan.


Bagi mengurangkan risiko ini, polisi dan piawaian perakaunan tempatan dan antarabangsa yang berkaitan adalah sangat diperlukan (Khan dan Mayes, 2009). Menurut Khan dan Mayes (2009) lagi, salah satu perkara penting yang perlu ditangani oleh kerajaan yang akan beralih kepada perakaunan asas akruan adalah pemilihan dan pelaksanaan polisi perakaunan yang tepat dan selari dengan piawaian perakaunan berkaitan. Negara yang akan beralih kepada perakaunan asas akruan mempunyai beberapa pilihan iaitu (a) menerima pakai terus piawaian perakaunan antarabangsa IPSAS; (b) mencontohi amalan mana-mana negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan atau (c) menerima alternatif (a) dan (b) tetapi disesuaikan dengan keperluan tempatan (Ouda, 2010).

Bagi tujuan kajian ini, pilihan (c) yang disarankan oleh Ouda (2010) didapati lebih sesuai dilaksanakan di Malaysia. Ini adalah kerana setiap negara dipengaruhi oleh sejarah, budaya, perlembagaan dan sistem pentadbirannya yang tersendiri dalam melaksanakan perubahan atau peralihan seperti perakaunan asas akruan (Hepworth, 2003; Chan, 2003; Caperchione, 2006). Kenyataan ini juga selari dengan Christiaens (2004) yang menyatakan bahawa sesuatu sistem perakaunan kerajaan perlu sesuai dengan persekitaran operasi dan keperluan maklumat yang berbeza. Justeru, dalam konteks kerajaan Malaysia, perlu ada satu piawaian perakaunan, polisi, perundangan dan peraturan berkaitan termasuk aset warisan, yang selari dengan keperluan piawaian antarabangsa, amalan terbaik negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan dan mengambilkira persekitaran serta keperluan tempatan.

## **Kaedah Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk mencadangkan perlakuan perakaunan yang sesuai diaplikasikan oleh Kerajaan Malaysia bagi aset warisan, selari dengan peruntukan piawaian antarabangsa, keperluan atau persekitaran tempatan serta amalan terbaik negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan. Selain itu objektif kajian juga adalah untuk mengenalpasti serta mencadangkan pindaan atau tambahan kepada peraturan dan perundangan sedia ada yang berkaitan. Kaedah kajian untuk mengumpul dan menganalisis data telah diaplikasikan dengan melaksanakan gabungan kaedah temu bual, analisis kandungan dokumen dan kumpulan fokus. Menurut Axinn dan Pearce (2006), gabungan

pelbagai teknik pengutipan data mampu menghasilkan pengukuhan antara teknik-teknik yang digunakan sepanjang tempoh pelaksanaan kajian dengan menyediakan maklumat dan rekod empirikal yang komprehensif tentang sesuatu topik yang dikaji. Secara khusus, kaedah kajian yang dilaksanakan melibatkan dua fasa, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



**Rajah 1 Kaedah Kajian**

Dalam fasa pertama kajian, temu bual bersemuka melibatkan akauntan dan pegawai yang terlibat dengan pengurusan aset warisan di Kementerian Penerangan, Kebudayaan dan Komunikasi<sup>2</sup>, Jabatan Warisan Negara, Jabatan Arkib Negara dan Jabatan Muzium Malaysia telah dijalankan. Tujuan utama temu bual ini adalah untuk mendapatkan penjelasan bagi meningkatkan pemahaman tentang pengurusan, perekodan dan perakaunan aset warisan.

Bentuk temu bual yang dijalankan adalah “tidak formal” dan lebih menyerupai “*conversation interview*” (Patton, 1980) atau “*conversation with a purpose*” (Marshall and Rossman, 1989). Soalan yang diajukan adalah dalam bentuk tidak berstruktur dan ianya menyentuh aspek pengurusan dan perakaunan aset berkenaan serta perundangan yang diaplikasikan oleh jabatan berkenaan.

Dalam fasa pertama juga, kaedah analisis kandungan telah dijalankan ke atas piawaian perakaunan antarabangsa (*IPSAS - accrual basis*) berkaitan serta dokumen-dokumen daripada empat buah negara terkehadapan (*front runners*) yang telah mengaplikasikan perakaunan asas akruan sepenuhnya iaitu Australia, New Zealand, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Dokumen-dokumen berkenaan termasuk polisi dan piawaian perakaunan serta perundangan dan peraturan berkaitan dan laporan kewangan tahunan negara-negara

<sup>2</sup> Sekarang dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

berkenaan. Berdasarkan hasil kajian dan analisis yang dilaksanakan dalam fasa satu, satu deraf cadangan tentang perakaunan dan pelaporan aset warisan dibentuk.

Bagi menentukan pindaan dan/atau tambahan yang perlu dilakukan, akta dan pekeliling kewangan sedia ada yang berkaitan juga di analisa. Tujuan analisa ini adalah untuk menentukan sama ada peruntukan dalam undang-undang dan peraturan sedia ada itu mencukupi dan bersesuaian dengan perakaunan dan pelaporan berasaskan akruan bagi aset yang mempunyai ciri-ciri khusus dan unik seperti aset warisan.

Dalam fasa kedua, kumpulan fokus dilaksanakan, yang melibatkan akauntan dan pegawai-pegawai dari Kementerian dan tiga Jabatan yang berkenaan serta wakil-wakil dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Tujuan utama kumpulan fokus ini adalah untuk mendapatkan maklumbalas dan pengesahan tentang deraf cadangan perakaunan dan pelaporan aset warisan yang dibentuk hasil daripada temubual dan analisis dalam Fasa 1. Selain itu, ia adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas dan pengesahan tentang cadangan undang-undang dan peraturan yang perlu dipinda dan pindaan/tambahan yang perlu dilakukan.

Dari segi persampelan, oleh kerana hanya kementerian dan jabatan berkaitan dan kerangka persampelan telah dikenalpasti di kalangan setiap jabatan/kementerian, kajian ini telah melibatkan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) di mana setiap wakil jabatan/kementerian terlibat adalah mereka yang mempunyai pengetahuan tentang amalan pengurusan, perekodan dan perakaunan aset warisan yang diamalkan di jabatan/kementerian masing-masing. Pemilihan sampel ini juga membantu para penyelidik mendapatkan maklumat dengan efisien dan menyeluruh. Bagi setiap sesi temubual dengan jabatan dan kementerian berkenaan dalam fasa pertama dan fasa kedua seramai 4 hingga 10 orang wakil dilibatkan.

## **Dapatan Kajian**

Dapatan kajian dilapor berdasarkan perspektif perakaunan dan pelaporan serta perspektif perundangan seperti berikut:

### **a) Perspektif Perakaunan dan Pelaporan**

Dapatan kajian dari perspektif perakaunan dan pelaporan dilaporkan mengikut amalan semasa pengurusan aset warisan di peringkat Kerajaan Persekutuan, perbandingan amalan di negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan berasaskan akruan dan keperluan Piawai Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa yang berkaitan. Seterusnya, cadangan mengenai perakaunan dan pelaporan aset warisan untuk diaplikasikan oleh Kerajaan Persekutuan (objektif pertama kajian) dikemukakan.

### i) Amalan Semasa Pengurusan Aset Warisan

Kajian ini memberi fokus kepada aset warisan di tiga jabatan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan iaitu Jabatan Warisan Negara, Jabatan Arkib Negara dan Jabatan Muzium Malaysia. Jabatan-jabatan ini telah dikenalpasti sebagai jabatan utama yang mendaftar dan menguruskan aset warisan di peringkat Kerajaan Persekutuan.

#### **Jabatan Warisan Negara**

Menurut garis panduan Jabatan Warisan Negara (2012), warisan umumnya didefinisikan sebagai sesuatu yang bernilai yang diwariskan dari satu generasi ke satu generasi yang baru. Ia merangkumi adat resam, kebudayaan, kawasan, bangunan, bahan arkib dan cetakan termasuk penulisan buku dan makalah. Ia juga merupakan aset yang berharga kerana ia mempunyai nilai estetika, arkeologi, seni bina, budaya, sejarah, saintifik, sosial, spiritual, linguistik atau teknologi.

Mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), Bahagian I, Warisan dikategorikan kepada warisan kebangsaan, warisan semulajadi, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan bawah air, harta karun dan perkara-perkara yang berkaitan. Kategori warisan dibawah Jabatan Warisan Negara adalah terdiri daripada (i) Tapak (bangunan dan binaan, tapak arkeologi dan tapak semulajadi), (ii) Objek (warisan ketara dan warisan tak ketara) dan (iii) Orang Hidup iaitu individu yang diangkat sebagai Warisan Kebangsaan Orang Hidup yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kemahiran dan ketokohan dalam bidang seni budaya seperti boria dan tarian klasik Bharathnatyam. Jadual 1 dan 2 menunjukkan statistik warisan yang didaftarkan di Jabatan Warisan Negara sehingga 15 Ogos 2012.

**Jadual 1 Statistik Warisan Kebangsaan**

KATEGORI	BENTUK	Jumlah
Tapak	Bangunan/ Monumen	47
	Arkeologi	6
	Semula Jadi	7
<b>Jumlah tapak</b>		<b>60</b>
Objek	Ketara	67
	Tidak Ketara	241
<b>Jumlah objek</b>		<b>308</b>
<b>Jumlah Orang Hidup</b>		<b>15</b>

**Jadual 2 Statistik Warisan**

KATEGORI	BENTUK	JUMLAH
Tapak	Bangunan/ Monumen	176
	Arkeologi	2
	Semula Jadi	2
<b>Jumlah tapak</b>		<b>180</b>
Objek	Ketara	3
	Tidak Ketara	33
<b>Jumlah objek</b>		<b>36</b>

Sumber: Laman Web Rasmi, Jabatan Warisan Negara Malaysia

Mengikuti amalan di Jabatan Warisan Negara, kerja-kerja pemuliharaan warisan dilakukan untuk mengekalkan keaslian warisan berkenaan dan bukan untuk tujuan 'mencantikkan'nya. Ia melibatkan kerja-kerja mengekalkan keadaan asal sesebuah bangunan dan tapak tanah warisan seperti mana yang asal dan usaha ini merupakan satu proses untuk memanjangkan hayat bangunan atau tapak supaya ia boleh terus kekal untuk generasi yang akan datang. Pemuliharaan adalah termasuk setiap perkara berikut atau mana-mana gabungannya;

- 1) Pemeliharaan: Pendekatan bertujuan untuk memberhentikan kemerosotan lanjut, reput atau keadaan usang dan menyediakan struktur yang selamat dan kukuh tetapi tidaklah sehingga seperti membangunkan semula.
- 2) Pembaikan pulihan: Proses memulihkan secara tepat, rupa bentuk dan perincian suatu struktur atau sebahagian daripada suatu struktur serta kedudukan struktur itu.
- 3) Pembinaan semula: Proses menghasilkan semula secara tepat melalui suatu pembinaan baru, rupa bentuk dan perincian suatu struktur yang telah hilang, atau sebahagian daripada struktur itu, sebagaimana yang didapati pada suatu tempoh masa dan termasuklah pembinaan semula keseluruhan atau sebahagian.
- 4) Pemulihan: Proses mengembalikan sesuatu harta kepada keadaan kebergunaan melalui pembaikan atau pengubahan, yang memungkinkan penggunaan semasa yang efisien sambil memelihara bahagian dan ciri harta yang penting kepada seni bina dan sejarah.

### ***Jabatan Arkib Negara***

Menurut Akta Arkib Negara 2003, arkib adalah rekod yang dipelihara bagi nilai kebangsaan atau sejarahnya yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya. Pengkelasan utama arkib adalah arkib awam dan arkib memorial. Arkib awam terdiri daripada (i) rekod awam (samada yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah sebagai mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya; dan yang telah dipindahkan ke Arkib Negara atau mana-mana tempat lain yang diarahkan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa); dan (ii) mana-mana rekod persendirian atau bahan lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah sebagai mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya, diperolehi bagi Arkib Negara oleh Ketua Pengarah. Manakala arkib memorial didefinisikan sebagai suatu institusi yang dikendalikan oleh Arkib Negara untuk menempatkan, memulihara dan mempamerkan apa-apa bahan bersejarah untuk memperingati sesuatu peristiwa atau seseorang atau aspek sejarah lain dan arkib yang ditempatkan di dalamnya.

Pengurusan arkib di Jabatan Arkib Negara menggunakan sistem yang dinamakan sistem

*Compass*. Sistem ini adalah satu sistem berkomputer yang merekodkan maklumat arkib yang dikendalikan oleh Jabatan Arkib Negara. Walau bagaimanapun masih terdapat koleksi arkib yang belum direkodkan di dalam sistem *Compass* ini. Jadual 3 menunjukkan senarai kategori arkib di bawah pengendalian Jabatan Arkib Negara. Kategori 1 hingga 22 adalah kategori yang terdapat dalam sistem *Compass* manakala selebihnya (kategori 23 hingga 26) adalah kategori yang belum didaftarkan di dalam sistem *Compass*.

**Jadual 3 Kategori Arkib**

KATEGORI	
1. Fail	14. Cenderamata
2. Lambang, Lencana, Meterai dan Pelekat	15. Kertas Kerja
3. Lukisan dan Pelan	16. Surat Menyurat
4. Manuskrip	17. Minit Mesyuarat
5. Mikrofon	18. Personalialia
6. Perjanjian dan Persetujuan	19. Perundangan
7. Poster dan Kalendar	20. Hasil Karya / Penulisan
8. Rekod-rekod Elektronik	21. Salasilah
9. Rekod-rekod Kartografi	22. Watikah
10. Rekod-rekod Pandang Dengar	23. Artifak
11. Surat Khabar dan Majalah	24. Tanah dan Bangunan
12. Terbitan	25. Kenderaan
13. Teks Ucapan	26. Pakaian

Koleksi arkib di Jabatan Arkib Negara diperolehi melalui pemindahan, hadiah atau sumbangan dan pembelian. Arkib yang diperolehi melalui pembelian dibuat melalui dua jawatankuasa iaitu

(i) Jawatankuasa Teknikal yang mencadangkan perolehan dan harga dan (ii) Jawatankuasa Sebut Harga yang meluluskan perolehan dan harga belian.

Di Jabatan Arkib Negara, pemeliharaan bahan arkib merujuk kepada pengendalian yang melibatkan kerja-kerja perlindungan fizikal bahan arkib daripada kerosakan atau kemerosotan serta pemulihan atau pembaikan. Pemeliharaan termasuk, kerja-kerja rutin, pindahan kepada bentuk digital/mikrofilem dan pemeliharaan.

### ***Jabatan Muzium Malaysia***

Koleksi di Jabatan Muzium Malaysia adalah terdiri daripada Koleksi Arkeologi, Koleksi Etnologi, dan Koleksi Sejarah Asli. Terdapat 18 Pengkelasan dan 300 Kategori dibawah keseluruhan koleksi muzium. Pengkelasan tersebut adalah seperti yang tersenarai di Jadual 4.

**Jadual 4 Pengkelasan Koleksi Jabatan Muzium Malaysia**

PENGKELASAN KOLEKSI MUZIUM	
1. Pakaian dan Perhiasan Diri	10. Perubatan dan Sihir
2. Alat dan Perusahaan	11. Pertanian
3. Api – Alat-Alat yang berkaitan dengan Penyediaan dan Kegunaan Api	12. Permainan dan Hiburan
4. Rumah – Barang yang bersangkutan dengan rumah	13. Ternakan
5. Alat Bunyian	14. Topeng
6. Senjata dan Alat Peperangan	15. Matawang
7. Agama	16. Setem
8. Pengangkutan	17. Sampul Surat
9. Perangkap	18. Wayang Kulit

Koleksi di Jabatan Muzium Malaysia diperolehi melalui, hadiah atau sumbangan dan pembelian. Perolehan melalui pembelian dibuat melalui dua jawatankuasa iaitu (i) Jawatankuasa Teknikal yang mencadangkan perolehan dan harga dan (ii) Jawatankuasa Sebut Harga yang meluluskan perolehan dan harga yang akan dibayar.

Untuk memastikan koleksi muzium berada dalam keadaan baik dan terpelihara, kerja konservasi dilaksanakan. Keputusan untuk melaksanakan kerja-kerja konservasi adalah bergantung kepada kondisi koleksi berkenaan seperti berikut:

- 1) Baik dan Stabil – tidak perlu konservasi
- 2) Kerosakan minor dan Stabil – tidak perlu konservasi segera
- 3) Kurang Stabil – perlu konservasi segera
- 4) Tidak Stabil – perlu konservasi kadar segera

Aktiviti konservasi yang dijalankan adalah terdiri daripada (i) Konservasi Pencegahan iaitu tindakan yang diambil untuk mencegah kemerosotan semula sesuatu objek yang disebabkan oleh keadaan persekitaran seperti suhu, kelembapan, cahaya lampu dan elemen perosak seperti serangga, kulat dan pencemaran udara, (ii) Konservasi Rawatan iaitu pemuliharaan rawatan adalah tindakan yang diambil untuk merawat objek yang semakin merosot kondisi fizikalnya bagi melewati proses kemerosotan, dan (iii) Pemulihan iaitu prosedur yang dijalankan dengan tujuan untuk memulihkan artifak kebudayaan kepada keadaan semula jadi artifak tersebut dengan menggunakan bahan yang sama dengan bahan asalnya.

Dari aspek pendaftaran koleksi muzium, Jabatan Muzium Malaysia mempunyai satu sistem pengkalan data yang merekodkan maklumat terperinci setiap satu koleksi muzium yang merangkumi antaranya Kategori Objek, Nama Objek, Nombor Pendaftaran, Tarikh Perolehan, Harga Perolehan dan Usia.

Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi dari Jabatan Warisan Negara, Jabatan Arkib Negara dan Jabatan Muzium Malaysia, boleh diringkaskan bahawa jumlah item warisan, arkib dan artifak yang telah didaftarkan di jabatan-jabatan berkenaan menunjukkan kuantiti serta nilai sejarah dan budaya yang sangat signifikan. Dari segi perakaunan, sekiranya item-item warisan, arkib dan artifak ini memberi manfaat ekonomi dan perkhidmatan pada masa depan dan nilainya boleh ditentukan dengan munasabah, ia perlu diiktiraf sebagai aset iaitu aset warisan yang perlu didedahkan dalam penyata kewangan kerajaan. Begitu juga dengan kerja-kerja pemeliharaan dan pemulihan item-item warisan, arkib dan artifak berkenaan. Dari segi perakaunan, pertimbangan perlu dibuat samada kos yang terlibat untuk kerja-kerja pemeliharaan dan pemulihan tersebut perlu dibelanja atau dipermodalkan. Perkara-perkara inilah yang diambil kira dalam mengemukakan cadangan perakaunan dan pelaporan aset warisan berasaskan akruan bagi Kerajaan Persekutuan.

## ii) Perbandingan Amalan Perakaunan Aset Warisan Antara Negara

Perbandingan antara negara melihat amalan di empat buah negara iaitu Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan United Kingdom, dari sudut piawaian perakaunan yang digunapakai, definisi, pengiktirafan, pengukuran, penilaian dan pendedahan bagi aset warisan. Lampiran A memperincikan hasil analisis kandungan yang membandingkan amalan perakaunan dan pelaporan aset warisan antara negara-negara tersebut.

### ***Piawaian Perakaunan***

United Kingdom dan Amerika Syarikat mempunyai piawaian perakaunan khusus untuk aset warisan (UK - FRS30 *Heritage Assets*; USA - *Heritage Assets and Stewardship Land*) manakala Australia dan New Zealand mengguna pakai piawaian perakaunan bagi aset hartanah, loji dan peralatan bagi mengakaunkan aset warisan (Australia - AASB 116 *Accounting for Property, Plant & Equipment*; New Zealand – FRS3 *Accounting for Property Plant & Equipment*).

### ***Definisi***

Secara umumnya keempat-empat negara mendefinisi aset warisan sebagai aset nyata yang mempunyai nilai budaya, sejarah, artistik, geografik, saintifik dan sosial. Aset tersebut dipegang untuk tujuan pameran, pendidikan, penyelidikan dan pemeliharaan untuk generasi akan datang.

### ***Pengiktirafan***

Secara umum di Australia, New Zealand dan United Kingdom, aset warisan diiktiraf apabila kriteria pengiktirafan dipenuhi iaitu (i) kemungkinan manfaat ekonomi masa depan akan mengalir masuk ke dalam entiti dan (ii) kos boleh diukur dengan munasabah.

Di United Kingdom, piawaian perakaunan kewangannya (FRS30) menetapkan bahawa hanya aset warisan yang baru diperolehi yang mempunyai maklumat tentang kos diiktiraf, manakala

aset warisan yang sedia ada tetapi tiada maklumat tentang kos tidak akan diiktiraf, sebaliknya pendedahan mengenai aset tersebut akan dibuat selaras dengan keperluan FRS30.

Di Amerika Syarikat aset warisan dikategorikan sebagai aset warisan kegunaan tunggal dan aset warisan pelbagai guna. Contoh aset warisan kegunaan tunggal ialah artifak dan tapak semulajadi, manakala contoh aset warisan pelbagai guna ialah seperti bangunan bersejarah yang turut digunakan sebagai pejabat kerajaan. Hanya aset kegunaan tunggal diiktiraf sebagai aset warisan manakala aset pelbagai guna diiktiraf sebagai aset hartanah, loji dan peralatan.

### **Pengukuran**

Di keempat-empat negara, pengukuran aset warisan semasa pengiktirafan awal ialah pada kos manakala pengukuran selepas pengiktirafan awal ialah berdasarkan model penilaian semula atau model kos. Aset disusutnilaikan selaras dengan peruntukan piawaian perakaunan untuk aset hartanah, loji dan peralatan. Rosotnilai aset diakaunkan selaras dengan keperluan piawaian perakaunan bagi rosotnilai.

Di New Zealand, pilihan bagi pengukuran aset warisan yang dinilai semula ialah samada pada nilai saksama atau kos gantian disusutnilai atau tidak memberi sebarang nilai kewangan. Manakala di United Kingdom, FRS30 menetapkan bahawa aset warisan yang mempunyai usiaguna tidak terhad tidak perlu disusutnilaikan. Sebaliknya nilai bawaan aset perlu dikaji semula jika terdapat indikasi bahawa berlaku rosotnilai ke atas aset dan sebarang rosotnilai perlu diakaunkan selaras dengan keperluan FRS11 *Impairment of Fixed Assets and Goodwill*.

### **Pendedahan**

Di Australia dan New Zealand keperluan pendedahan bagi aset warisan adalah selaras dengan keperluan pendedahan bagi aset hartanah, loji dan peralatan. Manakala di Amerika Syarikat dan United Kingdom antara maklumat yang perlu didedahkan ialah maklumat tentang sifat dan skala aset warisan yang dipegang; penerangan tentang kategori utama aset warisan; polisi perolehan, pemeliharaan, pengurusan dan perlupusan; polisi perakaunan untuk aset warisan; kaedah perolehan (pembelian atau derma); kos; amaun bawaan; susutnilai; maklumat tentang penilaian semula (nilai aset berdasarkan penilaian semula, bila penilaian semula dilaksanakan, pihak yang melaksanakan penilaian semula, kekangan ke atas penilaian semula) serta penerangan tentang aset warisan yang tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan sebab kenapa aset tersebut tidak diiktiraf. Jadual 5 menunjukkan maklumat yang dilaporkan dalam penyata kewangan dan nota kepada penyata kewangan kerajaan keempat-empat negara bagi aset warisan.

Jadual 5 Perbandingan Pelaporan Aset Warisan Dalam Penyata Kewangan

UNITED KINGDOM	AUSTRALIA	NEW ZEALAND	AMERIKA SYARIKAT
<p><b>Rujukan:</b> <i>Whole of Government Accounts year ended 31 March 2011</i></p> <p><b><u>Penyata Kewangan:</u></b> Dilaporkan di bawah kategori Hartanah, loji dan peralatan.</p> <p><b><u>Nota Kepada Penyata Kewangan</u></b> Dilaporkan di bawah sub-kategori 'Lain-lain'.</p> <p>Hartanah, loji dan peralatan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Infrastruktur</li> <li>- Bangunan</li> <li>- Kediaman</li> <li>- Tanah</li> <li>- Aset dalam pembinaan</li> </ul>	<p><b>Rujukan:</b> <i>Commonwealth of Australia Consolidated Financial Statements for the year ended 30 June 2012</i></p> <p><b><u>Penyata Kewangan:</u></b> Dilaporkan sebagai Aset Warisan dan Kebudayaan di bawah kategori Aset bukan kewangan.</p> <p><b><u>Nota Kepada Penyata Kewangan</u></b> Aset bukan kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tanah</li> <li>- Bangunan</li> <li>- Loji, peralatan dan infrastruktur</li> <li>- Aset tak zahir</li> <li>- Harta pelaburan</li> <li>- Inventori</li> <li>- Aset biologi</li> <li>- Aset warisan dan kebudayaan</li> </ul>	<p><b>Rujukan:</b> <i>Financial Statements of the Government of New Zealand for the year ended 30 June 2012</i></p> <p><b><u>Penyata Kewangan:</u></b> Dilaporkan di bawah Hartanah, loji dan peralatan .</p> <p><b><u>Nota Kepada Penyata Kewangan</u></b> Hartanah, loji dan peralatan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tanah</li> <li>- Bangunan</li> <li>- Lebuhraya Negeri</li> <li>- Aset penjana elektrik</li> <li>- Rangkaian agihan elektrik</li> <li>- Peralatan Ketenteraan Khusus</li> <li>- Aset kebudayaan dan warisan</li> <li>- Pesawat (tidak termasuk untuk kegunaan ketenteraan)</li> </ul>	<p><b>Rujukan:</b> <i>2011 Financial Report of the United States Government</i></p> <p><b><u>Penyata Kewangan:</u></b> Dilaporkan sebagai "Stewardship land and heritage aset" tetapi tiada nilai kewangan dinyatakan.</p> <p><b><u>Nota Kepada Penyata Kewangan</u></b> Kos aset warisan lazimnya tidak dapat ditentukan atau tidak relevan berdasarkan kepentingan aset berkenaan. Maklumat yang paling relevan tentang aset warisan ialah maklumat bukan kewangan.</p>

<p>- Peralatan ketenteraan - Lain-lain</p> <p>Kaedah penilaian semula dan pengiraan susut nilai <b>aset warisan operasi</b> adalah mengikut asas yang sama seperti aset lain dalam kategori yang sama (Contoh: bangunan)</p> <p><b>Aset warisan bukan operasi</b> tidak di susut nilai dan tiada penilaian semula dilakukan.</p>	<p>- Aset yang dipegang untuk dijual - Lain-lain aset bukan kewangan</p> <p>Penilaian semula aset warisan dilakukan oleh <i>Australian Valuation Office</i>. Aset warisan dan kebudayaan dinilai berdasarkan nilai saksama iaitu sama ada pada nilai pasaran atau kos gantian disusutnilai. Susut nilai menggunakan kaedah garis lurus. Usia guna aset warisan adalah antara 5 hingga 5,000 tahun.</p>	<p>- Rangkaian landasan keretapi - Lain-lain loji dan peralatan</p> <p>Aset kebudayaan dan warisan terdiri dari taman negara, kawasan konservasi dan kemudahan rekreasi berkaitan, arkib negara, dan perpustakaan negara. Semua aset bukan tanah direkodkan pada nilai saksama ditolak susutnilai terkumpul. Aset tidak dilaporkan dalam nilai kewangan dalam kes di mana aset tersebut tidak boleh dihasilkan semula atau digantikan, dan aset berkenaan tidak menjana aliran tunai serta tidak terdapat pasaran yang boleh memberikan penilaian.</p>	
--	--	--	--

### iii) Peruntukan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS 17)

IPSAS17 tidak memberikan definisi khusus bagi aset warisan tetapi membincangkan secara umum apa yang dimaksudkan sebagai aset warisan dan ciri-ciri unik yang dimiliki oleh aset warisan. Menurut IPSAS 17, sesetengah aset disifatkan sebagai aset warisan kerana kepentingan budaya, alam sekitar, atau sejarah mereka. Contoh aset warisan termasuklah bangunan bersejarah dan monumen, tapak arkeologi, kawasan pemuliharaan dan rizab alam semula jadi, dan karya-karya seni.

Ciri-ciri tertentu, termasuk yang berikut, sering dipaparkan oleh aset warisan (walaupun ciri-ciri ini tidak eksklusif untuk aset tersebut):

- 1) Nilai dari segi budaya, alam sekitar, pendidikan, dan sejarah tidak sepenuhnya dapat dicerminkan dalam nilai kewangan berdasarkan semata-mata pada harga pasaran;
- 2) Undang-undang dan / atau obligasi berkanun boleh mengenakan larangan atau sekatan yang serius pada pelupusan melalui jualan;
- 3) Aset tidak boleh digantikan dan nilainya boleh meningkat dari masa ke semasa, walaupun keadaan fizikal merosot;
- 4) Sukar untuk menganggarkan usiaguna aset tersebut, yang mana dalam sesetengah kes usiaguna aset tersebut boleh menjangkau ratusan tahun.

Piawaian ini tidak memerlukan aset warisan diiktiraf selagi ia tidak memenuhi definisi dan kriteria pengiktirafan hartanah, logi dan peralatan. Sungguhpun begitu, sekiranya entiti memilih untuk mengiktiraf aset warisan, maka aset berkenaan perlu didedahkan selaras dengan keperluan IPSAS17 tetapi pengukuran aset berkenaan tidak perlu memenuhi keperluan piawaian ini. Jika entiti memilih untuk mengiktiraf aset warisan, menurut IPSAS 17, penyata kewangan entiti berkenaan perlu mendedahkan:

- 1) Asas pengukuran yang digunakan untuk menentukan amaun bawaan kasar;
- 2) Kaedah susutnilai yang digunakan;
- 3) Usiaguna atau kadar susut nilai yang digunakan;
- 4) Amaun bawaan kasar dan susut nilai terkumpul (dengan mengambilkira kerugian rosotnilai terkumpul) pada awal dan akhir tempoh; dan
- 5) Penyesuaian amaun bawaan pada awal dan akhir tempoh dengan menunjukkan:
  - (i) Penambahan
  - (ii) Pelupusan
  - (iii) Perolehan melalui kombinasi entiti;
  - (iv) Peningkatan atau penurunan dari penilaian semula dan dari kerugian rosotnilai (jika ada) diiktiraf atau dibalikkan secara langsung dari aset bersih/ekuiti bersih selaras dengan IPSAS 21 – Impairment of Non-Cash-Generating Assets;
  - (v) Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan selaras dengan IPSAS 21;
  - (vi) Kerugian rosotnilai dibalikkan dalam lebihan atau kurangan selaras dengan IPSAS 21;

- (vii) Susutnilai
- (viii) Perbezaan tukaran matawang asing bersih dari terjemahan penyata kewangan dari matawang fungsian kepada matawang persembahan, termasuk terjemahan operasi asing kepada matawang persembahan entiti pelapor; dan
- (ix) Lain-lain Perubahan.

Penyata kewangan entiti berkenaan juga perlu mendedahkan:

- 1) Kewujudan dan amaun sekatan ke atas hak milik dan hartanah, loji dan peralatan yang digunakan sebagai cagaran bagi liabiliti;
- 2) Amaun perbelanjaan yang diiktiraf dalam amaun bawaan hartanah, loji dan peralatan sesuatu item sepanjang pembinaannya;
- 3) Amaun komitmen kontraktual bagi perolehan hartanah, loji dan peralatan; dan
- 4) Sekiranya tidak didedahkan secara berasingan di muka penyata prestasi kewangan, amaun pampasan dari pihak ketiga bagi hartanah, loji dan peralatan yang mengalami rosotnilai, hilang atau dilepaskan yang diambilkira di dalam lebihan atau kurangan.

Seterusnya jika aset warisan berkenaan dinyatakan pada amaun penilaian semula, perkara berikut perlu didedahkan:

- 1) Tarikh kuatkuasa bagi penilaian semula;
- 2) Samada penilai bebas terlibat;
- 3) Kaedah dan andaian signifikan yang digunakan dalam menganggar nilai saksama aset.
- 4) Setakat mana nilai saksama aset ditentukan dengan merujuk kepada harga dari pasaran aktif atau dari urusanniaga pasaran terkini di antara dua pihak yang berpengetahuan atau yang dianggar menggunakan teknik penilaian lain.
- 5) Lebihan penilaian semula dengan menunjukkan perubahan dalam tempoh dan sebarang sekatan ke atas agihan baki kepada pemegang saham atau lain-lain pemegang ekuiti.
- 6) Jumlah semua lebihan penilaian semula bagi item hartanah, loji dan peralatan secara individu dan mengikut kelas; dan
- 7) Jumlah semua kurangan penilaian semula bagi item hartanah, loji dan peralatan secara individu dan mengikut kelas;

#### **iv) Cadangan Perakaunan dan Pelaporan**

Sub-bahagian di atas telah melaporkan dapatan kajian dari aspek persekitaran tempatan (amalan semasa pengurusan aset warisan di Jabatan Warisan Negara, Jabatan Arkib Negara dan Jabatan Muzium Malaysia), perbandingan amalan negara-negara yang telah mengamalkan perakaunan asas akruan dan keperluan piawaian perakaunan antarabangsa (IPSAS). Setelah mengambikira ketiga-tiga aspek berkenaan cadangan perakaunan dan pelaporan bagi aset warisan dikemukakan seperti berikut.

### ***Definisi dan Kategori Aset Warisan***

Dari segi definisi, kajian ini mencadangkan aset warisan adalah aset unik atas satu atau lebih sebab-sebab berikut;

- 1) kepentingan sejarah
- 2) ciri-ciri kebudayaan, kesenian, geografi, atau saintifik;
- 3) nilai sosial atau rohani;
- 4) ciri-ciri seni bina yang ketara.

Aset tersebut digunakan untuk pameran, pendidikan, penyelidikan, dan pemeliharaan bagi generasi akan datang termasuk bangunan bersejarah dan monumen, tapak arkeologi, kawasan pemuliharaan dan rizab alam semula jadi, karya seni, arkib dan orang hidup. Aset warisan ini mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- 1) Nilai dari segi budaya, alam sekitar, pendidikan, dan sejarah tidak sepenuhnya dapat dicerminkan dalam bentuk nilai kewangan, semata-mata berdasarkan harga pasaran;
- 2) Undang-undang dan/atau obligasi berkanun mungkin melarang atau menyekat pelupusan melalui jualan;
- 3) Aset tidak boleh digantikan dan nilainya boleh meningkat dari masa ke semasa, walaupun keadaan fizikal merosot;
- 4) Sukar untuk menganggarkan usiaguna aset tersebut, yang dalam sesetengah keadaan menjangkaui ratusan tahun.

Dari segi pengkelasan, aset warisan secara amnya dicadangkan dikelaskan kepada aset warisan bukan operasi dan aset warisan operasi. Aset warisan bukan operasi adalah aset warisan yang dipegang untuk memenuhi tujuan utamanya. Manakala aset warisan operasi adalah aset yang bukan sahaja memenuhi ciri-ciri sebagai warisan negara tetapi turut digunakan untuk tujuan lain atau memberikan perkhidmatan lain seperti bangunan warisan yang disewakan sebagai pejabat.

Seterusnya adalah dicadangkan bahawa aset warisan dikategorikan seperti mana kategori warisan mengikut Jabatan Warisan Negara dan koleksi arkib secara khusus dimasukkan dalam kategori berkenaan. Cadangan kategori aset warisan adalah seperti berikut:

- 1) Tapak
  - a) Bangunan dan Binaan (termasuk bangunan memorial)
  - b) Tapak Arkeologi
  - c) Tapak Semulajadi
- 2) Objek
  - a) Aset Warisan Ketara  
Contoh: koleksi muzium, koleksi arkib, koleksi galeri seni dan peralatan (saintifik dan pertahanan) yang mempunyai nilai sejarah.

- b) Aset Warisan Tak Ketara  
Contoh: resepi masakan dan seni budaya.

3) Orang Hidup

Adalah dicadangkan kategori orang hidup diperluaskan bukan hanya individu yang mempunyai kemahiran dan ketokohan dalam bidang seni budaya tetapi juga dalam bidang lain seperti politik, ekonomi dan sejarah negara.

### ***Pengiktirafan***

Kajian ini mencadangkan bahawa aset warisan samada aset warisan yang semata-mata bagi tujuan warisan (aset warisan bukan operasi) atau aset warisan yang bukan hanya bagi tujuan warisan tetapi juga digunakan bagi tujuan operasi seperti operasi pentadbiran, adalah memenuhi definisi aset Hartanah, Loji dan Peralatan dan perlu diiktiraf dalam penyata kewangan entiti. Sekiranya kos atau nilai saksama sesuatu aset warisan dapat ditentukan dengan munasabah, maka ia perlu diiktiraf dan didedahkan dalam penyata kewangan.

### ***Pengukuran***

Adalah dicadangkan bagi aset warisan operasi perlu diukur berdasarkan asas yang sama seperti butiran hartanah, loji dan peralatan lain. Manakala aset warisan bukan operasi harus diiktiraf pada nilai saksama, kecuali, sekiranya ia tidak praktikal untuk mendapatkan nilai saksama, maka aset warisan boleh dilaporkan pada kos sejarah.

Jika aset telah dipermodalkan atau baru diperolehi, maka akan terdapat maklumat mengenai kos atau nilai aset. Di mana tiada maklumat atau maklumat tidak boleh diperolehi dengan melibatkan kos yang setimpal dengan manfaat yang akan diperolehi, maka aset tersebut tidak akan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan dan pendedahan yang bersesuaian perlu dilakukan.

Penilaian aset warisan boleh dilakukan mengikut mana-mana kaedah yang bersesuaian dan relevan. Tiada keperluan untuk penilaian dijalankan atau disahkan oleh jurunilai luaran dan tempoh masa minimum antara penilaian juga tidak ditetapkan. Walau bagaimanapun, di mana aset warisan dilaporkan pada penilaian, amaun bawaan perlu dikaji semula dengan kekerapan yang bersesuaian untuk memastikan penilaian menggambarkan keadaan semasa.

### ***Susutnilai dan Kos Lain Selepas Pengiktirafan Aset***

Bagi aset warisan yang mempunyai usiaguna yang tidak pasti, aset tersebut tidak perlu disusutnilaikan. Walau bagaimanapun, amaun bawaan sesuatu aset warisan perlu dikaji semula dari masa ke semasa dan apabila terdapat bukti berlaku rosotnilai, sebagai contoh, di mana aset telah mengalami kemerosotan fizikal atau kerosakan atau keraguan baru timbul tentang keaslian aset atau kesahihannya, rosotnilai aset perlu diakaunkan selaras dengan keperluan IPSAS rosotnilai. Bagi aset warisan yang disusutnilaikan, usiaguna aset tersebut perlu dikaji semula pada akhir setiap tahun kewangan untuk menentukan sama ada usiaguna

aset masih tepat.

Bagi kos-kos lain selepas pengikitrafan aset warisan seperti kos pemeliharaan atau pemuliharaan atau kos pembinaan semula sebahagian atau keseluruhan aset, peruntukan IPSAS 17 (para 23 hingga 25) boleh digunapakai. Kos rutin yang melibatkan untuk memelihara sesuatu aset warisan adalah dicadangkan diiktiraf sebagai belanja operasi. Sebagai contoh, di Jabatan Warisan Negara, kos yang melibatkan untuk kerja-kerja pemeliharaan yang dijalankan secara rutin, yang bertujuan untuk memberhentikan kemerosotan lanjut atau reput terhadap bangunan atau tapak warisan. Di Jabatan Arkib Negara, kos yang boleh diiktiraf sebagai belanja operasi ini adalah kos untuk kerja-kerja rutin yang melibatkan bagi tujuan perlindungan fizikal bahan arkib daripada kerosakan atau kemerosotan. Manakala bagi Jabatan Muzium Malaysia, kos yang melibatkan untuk konservasi pencegahan kemerosotan artifak atau koleksi muzium yang disebabkan oleh persekitaran seperti kelembapan, kulat dan pencemaran udara, adalah contoh kos yang boleh diiktiraf sebagai belanja operasi.

Selari dengan keperluan IPSAS 17, bagi kos yang melibatkan penggantian bahan seperti kemasan dinding bangunan dan kos yang melibatkan kerja-kerja pemeriksaan yang signifikan (*major*) terhadap kerosakan sesuatu aset, kos tersebut perlu dipermodalkan iaitu diiktiraf dalam nilai bawaan aset berkenaan. Sebagai contoh, di Jabatan Warisan Negara, kos yang terlibat untuk kerja pembaik pulihan, pembinaan semula dan pemulihan seperti yang telah diterangkan sebelum ini adalah dicadangkan perlu dipermodalkan. Kos yang boleh dipermodalkan di Jabatan Arkib Negara adalah seperti kos yang terlibat untuk memindahkan bahan arkib tertentu kepada bentuk digital atau mikrofilem. Manakala di Jabatan Muzium Malaysia, kos untuk konservasi rawatan dan pemulihan adalah dicadangkan dipermodalkan. Ini adalah kerana kerja-kerja berkenaan melibatkan penggantian bahan dan pemeriksaan yang terperinci dan signifikan terhadap kerosakan atau kemerosotan fizikal aset warisan berkenaan.

### **Pendedahan**

Dari segi pendedahan, adalah dicadangkan penyata kewangan entiti perlu memberi indikasi tentang sifat dan skala aset warisan yang dipegang oleh entiti serta menetapkan polisi bagi perolehan, pemeliharaan, pengurusan dan pelupusan aset warisan. Penerangan harus diberikan tentang rekod yang disimpan oleh entiti bagi aset warisan dan maklumat tentang setakat mana akses kepada aset dibenarkan. Selain itu, polisi perakaunan yang diguna pakai untuk aset warisan perlu dinyatakan, termasuk butiran mengenai asas pengukuran yang digunakan.

Secara khususnya, bagi aset warisan yang dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan, perkara-perkara berikut perlu didedahkan:

- 1) Amaun bawaan pada awal tempoh kewangan dan pada tarikh penyata kedudukan kewangan, termasuk analisis antara kelas atau kumpulan aset warisan yang dilaporkan pada kos dan dilaporkan pada penilaian; dan
- 2) Bagi aset yang dilaporkan pada penilaian, maklumat yang mencukupi perlu untuk

membantu pemahaman tentang penilaian yang dilaporkan dan kepentingannya.

Maklumat perlu merangkumi:

- a) tarikh penilaian;
- b) kaedah yang digunakan untuk menghasilkan penilaian;
- c) sama ada penilaian telah dijalankan oleh jurunilai luaran dan, nama penilai dan kelayakan profesional, jika ada; dan
- d) sebarang kekangan ke atas penilaian.

Bagi aset warisan yang tidak dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan, sebab-sebab mengapa tidak dilaporkan harus diperjelaskan. Selain itu, nota kepada penyata kewangan perlu menjelaskan kepentingan dan sifat aset yang tidak dilaporkan di dalam penyata kedudukan kewangan.

## **b) Perspektif Perundangan**

Objektif kedua kajian adalah untuk mengenalpasti dan mencadangkan pindaan/tambahan kepada undang-undang dan peraturan sedia ada yang berkaitan. Bagi tujuan ini analisis telah dibuat terhadap peruntukan yang terdapat dalam undang-undang dan peraturan sedia ada berkaitan aset kerajaan secara am dan aset warisan secara khusus serta perbandingan dengan undang-undang dan peraturan setara negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan. Berikut adalah laporan dapatan daripada analisis berkenaan dan cadangan pindaan dan/tambahan kepada undang-undang dan peraturan sedia ada yang berkaitan.

### **i) Undang-Undang dan Peraturan Berkaitan Aset Kerajaan Malaysia**

Undang-undang dan peraturan sedia ada berkaitan aset yang telah dianalisa adalah Perlembagaan Persekutuan, Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan Pekeliling Perbendaharaan dan Pekeliling Am yang berkaitan. Dari sudut istilah aset, tiga istilah yang berbeza didapati digunakan iaitu istilah barangan awam dalam Akta Tatacara Kewangan 1957, istilah aset awam dalam Arahan Perbendaharaan dan istilah aset kerajaan dalam Pekeliling Am Bil 1/2009 – Manual Pengurusan Aset Menyeluruh. Walaubagaimanapun, boleh disimpulkan bahawa ketiga-ketiga istilah aset yang digunakan dalam undang-undang dan peraturan tersebut membawa maksud yang sama iaitu harta kepunyaan atau milikan dan di bawah kawalan kerajaan.

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007- Tatacara Pengurusan Aset Alih, Pekeliling Am Bil 1/2009 – Manual Pengurusan Aset Menyeluruh dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2008 -Tatacara Pengurusan Aset Hidup Kerajaan, aset kerajaan di bahagikan kepada tiga pengkelasan utama iaitu aset alih (yang terdiri daripada harta modal dan inventori), aset tak alih (yang terdiri daripada tanah, bangunan dan infrastruktur) dan aset hidup (yang terdiri daripada ikan, haiwan dan tumbuhan). Pengkelasan aset seperti ini didapati tidak selari dengan pengkelasan aset mengikut perakaunan asas akruan iaitu aset dikelaskan kepada

aset semasa dan aset bukan semasa. Dari aspek kriteria pengiktirafan aset, Pekeliling Am Bil 1/2009 – Manual Pengurusan Aset Menyeluruh telah memperuntukkan kriteria pengiktirafan aset yang selari dengan piawaian perakaunan asas akruan (secara khususnya IPSAS 17).

Dari aspek pendedahan dan persembahan aset dalam penyata kewangan, Akta Tatacara Kewangan 1957 memperuntukkan bahawa satu penyata tentang aset dan liabiliti perlu disediakan kerajaan pada akhir tahun kewangan, sejauh mana boleh dipraktikkan. Pernyataan 'sejauh mana boleh dipraktikkan' ini boleh membawa maksud pilihan dibenarkan dari segi penyediaan penyata tersebut bergantung kepada kesesuaian. Penyata tentang aset dan liabiliti yang dikehendaki disediakan mengikut Akta ini juga didapati tidak menepati keperluan perakaunan asas akruan iaitu penyediaan satu penyata yang menunjukkan keseluruhan kedudukan kewangan kerajaan (iaitu Penyata Kedudukan Kewangan) yang merangkumi kedudukan keseluruhan aset kerajaan termasuk aset warisan.

## ii) Perbandingan Undang-Undang dan Peraturan Berkaitan Aset Warisan

Hasil analisa kandungan yang telah dibuat mendapati sehingga kini tidak terdapat dalam mana-mana undang-undang dan peraturan di Malaysia yang mendefinisikan secara khusus tentang aset warisan. Akta Warisan Kebangsaan 2005 memberi definisi dan kategori tentang butiran warisan yang terdiri daripada warisan kebangsaan, tapak warisan, objek warisan atau warisan kebudayaan di bawah air. Lampiran B menunjukkan definisi bagi setiap satu kategori warisan mengikut peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Menurut IPSAS 17 dan piawaian perakaunan negara-negara yang dibandingkan dalam kajian ini, arkib juga merupakan sebahagian daripada aset warisan. Di Malaysia, definisi dan kategori arkib diperuntukkan dalam Akta Arkib Negara 2003 (lihat Lampiran B). Berdasarkan peruntukan sedia ada dalam Akta Arkib Negara 2003, arkib tidak dinyatakan secara khusus sebagai sebahagian daripada warisan dan begitu juga dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005, definisi objek warisan yang diberikan tidak secara khusus menamakan arkib sebagai salah satu objek warisan. Situasi ini boleh menimbulkan kekeliruan apabila istilah aset warisan digunapakai dalam perakaunan berasaskan akruan, yang mana aset warisan boleh difahami sebagai tidak termasuk bahan arkib.

Jika dibandingkan dengan negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan seperti Australia, New Zealand dan United Kingdom, undang-undang dan peraturan berkaitan dengan aset warisan negara-negara tersebut digubal secara khusus untuk aset berkenaan (lihat Lampiran B dan Lampiran C untuk perbandingan undang-undang dan peraturan berkaitan aset warisan antara negara yang dikaji).

Di Australia dan New Zealand, akta khusus untuk aset warisan iaitu *Heritage Act* 2004 (di Australia) dan *Historic Places Act* 1993 (di New Zealand) mendefinisikan dan memperincikan kategori dan jenis-jenis aset warisan mereka. Selain akta, New Zealand juga mempunyai satu garis panduan khusus untuk penilaian aset warisan iaitu *Valuation Guidance for Cultural and Heritage Assets*. Garispanduan ini memberi definisi dan kategori yang lebih jelas tentang aset warisan sebagai tambahan kepada peruntukan dalam *Historic Places Act* 1993. Selain definisi

dan kategori, garis panduan ini juga memperincikan dari segi pengukuran semasa dan selepas pengiktirafan aset berkenaan termasuk susutnilai serta peruntukan tentang pendedahan di dalam nota kepada penyata kewangan bagi aset warisan yang tidak dapat diukur dengan munasabah bagi sesuatu tahun kewangan. Bagi Australia pula, selain daripada akta, negara berkenaan juga mempunyai polisi perakaunan khusus untuk aset warisan. Polisi ini memberi definisi dan memperincikan lagi jenis aset warisan serta polisi tentang perakaunan (termasuk pengiktirafan, penilaian dan susutnilai) dan pendedahan aset warisan.

Di United Kingdom, garis panduan atau manual pelaporan kewangan terkini (*Financial Reporting Manual 2012-2013*) boleh dianggap sebagai satu dokumen lengkap berkaitan perakaunan dan pelaporan aset warisan. Dalam manual ini, definisi dan kategori aset warisan diperincikan. Bagi setiap kategori (*operational* dan *non-operational heritage assets*), pengiktirafan dan penilaian serta syarat untuk susutnilai turut dijelaskan. Manual ini juga memberi peruntukan yang terperinci dan jelas tentang pendedahan aset warisan dalam penyata kewangan.

Kesimpulannya, hasil analisis kandungan undang-undang dan peraturan sedia ada berkaitan aset warisan di Malaysia menunjukkan bahawa peralihan kepada perakaunan asas akruan menuntut pindaan dan/atau tambahan yang agak signifikan kepada undang-undang dan peraturan berkaitan. Berdasarkan dapatan daripada analisis undang-undang dan peraturan tempatan sedia ada dan undang-undang dan peraturan negara-negara yang telah mengamalkan perakaunan asas akruan, cadangan pindaan dan/atau tambahan kepada undang-undang dan peraturan sedia ada berkaitan adalah dikemukakan.

### **iii) Cadangan Pindaan dan/atau Tambahan Kepada Undang-Undang dan Peraturan Sedia Ada**

Cadangan pindaan atau tambahan kepada undang-undang dan peraturan sedia ada yang menepati keperluan perakaunan asas akruan adalah dikemukakan seperti berikut:

#### ***Istilah dan Definisi Aset***

Bagi aset secara umum, adalah dicadangkan agar istilah dan definisi yang sama iaitu sama ada aset awam atau aset kerajaan diguna pakai dalam semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan (termasuk Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Am Bil 1/2009 – Manual Pengurusan Aset Menyeluruh dan Akta Warisan Kebangsaan).

#### ***Pengkelasan Aset***

Pengkelasan aset sedia ada berdasarkan Pekeliling Am Bil 1/2009 – Manual Pengurusan Aset Menyeluruh, Pekeliling Am Bil 2/2012 – Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih dan Pekeliling Perbendaharaan Bil 6/2008 – Tatacara Pengurusan Aset Hidup Kerajaan iaitu Aset Alih (Harta Modal dan Inventori), Aset Tak Alih (Tanah, Bangunan dan Infrastruktur) dan Aset Hidup (Ikan, Haiwan dan Tumbuhan) perlu diubah kepada pengkelasan baru agar selaras dengan keperluan perakaunan dan pelaporan mengikut asas akruan. Perubahan kepada pengkelasan aset yang dicadangkan adalah seperti berikut:

### 1) Aset Semasa

- Aset alih mengikut pengkelasan sedia ada iaitu harta modal dan inventori yang menepati kriteria pengiktirafan aset semasa perlu dikelaskan sebagai item inventori (mengikut definisi asas akruan).
- Aset hidup tumbuhan iaitu bahan tanaman seperti benih-benih pokok juga perlu dikelaskan sebagai item inventori (mengikut definisi asas akruan) di bawah aset semasa.
- Aset Pertahanan yang menepati definisi aset semasa.

### 2) Aset Bukan Semasa

Di bawah kategori Aset Fizikal atau Aset Hartanah, Loji dan Peralatan, item-item berikut adalah dicadangkan (di mana aset warisan sebagai satu klasifikasi berasingan):

- Tanah
- Bangunan
- Aset Infrastruktur (tidak termasuk infrastruktur pertahanan)
- Aset Warisan
- Aset Pertahanan (termasuk haiwan dan ikan yang digunakan bagi tujuan pertahanan/ketenteraan)
- Aset Hidup (yang bukan item inventori)
- Lain-lain aset hartanah, loji dan peralatan (termasuk kenderaan, peralatan, perabut dan lain-lain yang pada masa ini merupakan aset tak alih)

Namun begitu, sebelum pengkelasan kepada sama ada aset semasa atau aset bukan semasa seperti yang dicadangkan, sesuatu item yang akan dipermodalkan sebagai aset perlu menepati amaun *'threshold'* yang ditetapkan dalam polisi perakaunan yang baru.

### ***Penyediaan Penyata Kewangan***

Seperti yang telah dilaporkan sebelum ini, tiada mana-mana undang-undang dan peraturan sedia ada pada masa ini yang menjelaskan mengenai penyata kewangan yang perlu disediakan selari dengan keperluan perakaunan asas akruan.

Perlembagaan Persekutuan memperuntukan:

Perkara 99(1): “Yang Dipertuan Agong hendaklah, berkenaan dengan tiap-tiap tahun kewangan, menyebabkan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat suatu penyata terimaan dan perbelanjaan yang dianggarkan bagi Persekutuan untuk tahun itu...”

Perkara 99(4): “Penyata tersebut hendaklah juga menunjukkan, setakat yang dapat dilaksanakan, aset dan liabiliti Persekutuan pada akhir tahun kewangan yang baru genap, cara aset itu dilaburkan atau dipegang...”

Manakala Akta Acara Kewangan 1957, Seksyen 16(1)(e) memperuntukkan;

“Sejauh mana boleh dipraktikkan, satu penyata tentang aset dan liabiliti Persekutuan dan Negeri pada akhir tahun kewangan, cara dimana aset dilabur atau dipegang...”

Penyata yang perlu disediakan mengikut kedua-dua peruntukan di atas jelas tidak begitu menepati penyata kewangan yang perlu disediakan mengikut perakaunan asas akruan. Bagi memenuhi keperluan perakaunan asas akruan, cadangan berikut boleh dipertimbangkan:

Perlembagaan Persekutuan: Perkara 99(1) dan 99(4) adalah merujuk kepada penyata terimaan dan perbelanjaan yang dianggarkan (yang boleh difahami sebagai belanjawan). Adalah dicadangkan peruntukan tambahan dalam Perlembagaan Persekutuan yang secara umum menyatakan penyata yang perlu disediakan iaitu penyata yang menunjukkan prestasi dan kedudukan kewangan kerajaan pada setiap tahun kewangan.

Akta Tatacara Kewangan 1957, Seksyen 16(1)(e): Kenyataan “sejauh mana boleh dipraktikkan” dicadang digugurkan kerana boleh diinterpretasikan sebagai sesuatu yang diberi pilihan dan tidak semestinya disediakan. Selain itu, Akta Tatacara Kewangan 1957 ini perlu menjelaskan bahawa Penyata kewangan tahunan kerajaan perlu disediakan berdasarkan Prinsip Perakaunan Diterima Umum dan piawai perakaunan serta perundangan yang telah ditetapkan. Akta ini juga dicadangkan menyatakan dengan khusus penyata-penyata yang perlu disediakan termasuk Penyata Kedudukan Kewangan yang antara lainnya menunjukkan kedudukan keseluruhan aset awam/kerajaan termasuk aset warisan.

### ***Peruntukan Perundangan Khusus Bagi Aset Warisan***

Hasil kajian mendapati bahawa undang-undang dan peraturan sedia ada yang berkaitan tidak memberikan definisi khusus aset warisan. Akta Warisan Kebangsaan 2005 mendefinisikan butiran warisan yang terdiri daripada warisan kebangsaan, tapak warisan, objek warisan atau warisan kebudayaan di bawah air dan tidak memasukkan secara khusus arkib sebagai sebahagian butiran warisan. Manakala Akta Arkib Negara 2003 memberikan definisi tentang arkib dan tidak mengaitkan arkib dengan warisan. Semakan yang telah dibuat ke atas Pekeliling Am Bil 2/2012 – Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih menunjukkan terdapat definisi aset tak alih warisan yang terdiri daripada tapak atau tapak warisan sahaja dan tidak memasukkan lain-lain aset tak alih warisan seperti bangunan warisan dan monumen.

Dengan mengambilkira peruntukan undang-undang dan peraturan negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan seperti Australia, New Zealand, UK dan Amerika Syarikat, adalah dicadangkan satu definisi khusus aset warisan dan setiap kategori aset warisan perlu ada dalam Akta Warisan Kebangsaan dan Akta Arkib Negara 2003. Akta-akta ini juga perlu dengan jelas memasukkan arkib sebagai sebahagian aset warisan.

Dari segi perakaunan dan pelaporan aset warisan, peralihan kepada asas akruan memerlukan satu polisi perakaunan khusus yang memperincikan tentang perakaunan aset warisan termasuk pengkitrafan, pengukuran, penilaian dan susutnilai serta pendedahan aset warisan dalam penyata kewangan seperti yang terdapat di Australia (*ACT Accounting Policy: Property*,

*Plant and Equipment & Heritage and Community Assets*). Peruntukan terperinci perakaunan dan pelaporan aset warisan ini juga boleh dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan atau dalam satu garis panduan khusus seperti yang diamalkan di New Zealand (*Valuation Guidance for Cultural and Heritage Assets*) atau dalam satu manual pelaporan kewangan yang merangkumi peruntukan perakaunan dan pelaporan aset secara keseluruhan termasuk aset warisan seperti yang terdapat di UK (*Financial Reporting Manual* 2012-2013).

## Kesimpulan

Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa peralihan amalan perakaunan sektor awam daripada asas tunai kepada asas akrual telah menimbulkan beberapa isu perakaunan khususnya berkaitan dengan aset yang mempunyai ciri-ciri khusus dan unik seperti aset warisan. Aset-aset yang mempunyai ciri-ciri khusus dan unik ini menimbulkan cabaran kepada layanan perakaunan terutama dari segi pengiktirafan dan penentuan nilai aset berkenaan. Walaupun timbul kesukaran dan cabaran, aset-aset ini perlu diakaun dan dilaporkan dengan tepat mengikut ciri-ciri khusus dan unik yang dimilikinya agar pihak berkepentingan mendapat gambaran menyeluruh dan tepat tentang nilai kewangan aset berkenaan dan kedudukan kewangan kerajaan secara keseluruhan. Kita sedia maklum bahawa aset-aset yang mempunyai ciri khusus dan unik seperti aset warisan ini mempunyai nilai kewangan yang signifikan dan adalah agak merugikan sekiranya aset seperti aset warisan ini tidak diakaun dan dilaporkan dengan sebaik mungkin. Justeru, layanan perakaunan dan pelaporan yang tepat selaras dengan keperluan piawaian perakaunan antarabangsa, amalan terbaik negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akrual dan keperluan tempatan bagi aset warisan ini perlu ditentukan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan perakaunan asas akrual di peringkat Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2015.

Dalam kajian ini, penyelidik menekankan keperluan bagi keseluruhan aset kerajaan termasuk aset warisan diakaun dan dilaporkan dalam penyata kewangan tahunan kerajaan. Ini adalah kerana maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Warisan Negara, Jabatan Arkib Negara dan Jabatan Muzium Malaysia seperti yang telah dilaporkan, menunjukkan bilangan item-item warisan, arkib dan artifak yang sangat signifikan dan kebanyakan item-item ini (terutama yang didaftarkan di Jabatan Muzium Malaysia dan Jabatan Arkib Negara) telah dapat ditentukan nilainya serta bagi item warisan yang didaftarkan di Jabatan Warisan Negara seperti bangunan warisan, tapak warisan serta sebahagian objek warisan, nilainya boleh ditentukan dengan munasabah dengan bantuan pakar-pakar yang boleh dilantik. Adalah sesuatu yang merugikan sekiranya item-item yang didaftarkan di Jabatan Warisan Negara, Jabatan Arkib Negara dan Jabatan Muzium Malaysia, yang boleh diiktiraf sebagai aset warisan, yang mempunyai kuantiti dan nilai yang signifikan, tidak diakaun dan dilaporkan dalam penyata kewangan kerajaan untuk membantu meningkatkan kedudukan aset kerajaan dan kedudukan kewangan kerajaan secara keseluruhan. Penyelidik juga menekankan bahawa walaupun sekiranya nilai kewangan sesuatu aset warisan tidak dapat ditentukan dengan munasabah, ia juga masih perlu dilaporkan dalam nota kepada penyata kewangan

agar pengguna penyata mendapat gambaran sebenar kedudukan aset warisan kerajaan, selain membolehkan kerajaan menzahirkan ketelusan dan menjelaskan akauntabilitinya kepada pihak berkepentingan dengan sebaik mungkin melalui pelaporan.

Cadangan yang dikemukakan daripada kajian ini diharap dapat membantu dalam memberi garis panduan bagi perakaunan dan pelaporan aset warisan selain dapat membantu dalam pembentukan atau penggubalan dasar baru polisi dan perundangan sistem perakaunan akruan yang bakal dilaksanakan pada 2015, khususnya berkaitan aset warisan. Untuk membolehkan cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini membantu kejayaan pelaksanaan perakaunan asas akruan di peringkat Kerajaan Persekutuan nanti, beberapa tindakan perlu diberi perhatian oleh pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Cadangan tindakan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak JANM adalah seperti berikut:

### **1) Pengkelasan semula aset;**

Aset kerajaan sedia ada yang berasaskan kategori aset seperti aset alih, aset tak alih, stok dan aset hidup kini tidak lagi sesuai untuk perakaunan dan pelaporan berasaskan akruan. Pengkelasan semula aset perlu dibuat berasaskan keperluan IPSAS 1, iaitu menurut kategori aset semasa dan aset bukan semasa agar selari dengan persembahan penyata kewangan kerajaan berasaskan akruan.

### **2) Menambahbaik aplikasi sistem pengurusan aset;**

Aplikasi sistem pengurusan aset sedia ada (mySPATA dan SPA) yang berasaskan kategori aset seperti aset alih, aset tak alih, stok dan aset hidup kini tidak lagi mencukupi untuk keperluan perakaunan asas akruan. Aplikasi sistem pengurusan aset perlu ditambahbaik dengan mengambilkira pengkelasan semula aset kepada kategori aset semasa dan aset bukan semasa. Selain daripada itu, bagi membekalkan maklumat yang diperlukan oleh sistem pengurusan kewangan dan perakaunan kerajaan (1GFMAS) untuk tujuan pelaporan perakaunan berasaskan akruan, maklumat-maklumat lain juga diperlukan. Contohnya maklumat mengenai kos penyelenggaraan (termasuk kos pemeliharaan dan pemulihan aset warisan) untuk menentukan sama ada kos tersebut perlu dipermodal atau dibelanjakan dan maklumat mengenai penilaian semula aset. Penambahbaikan aplikasi sistem pengurusan aset selaras dengan cadangan pengkelasan semula aset ini bukan sahaja dapat menyokong aplikasi 1GFMAS tetapi juga dapat membantu mencapai matlamat pengurusan aset yang lebih cekap.

### **3) Menambahbaik polisi dan piawaian perakaunan serta undang-undang dan peraturan sedia ada yang berkaitan;**

Seperti yang diketahui, piawaian perakaunan seperti IPSAS hanya menyatakan keperluan perakaunan dan pelaporan secara prinsip. IPSAS 17 sebagai contoh tidak meliputi secara menyeluruh layanan perakaunan ke atas aset yang mempunyai ciri-ciri khusus

dan unik ini misalnya dari segi pengukuran dan penilaian. Bagi aset warisan, IPSAS 17 hanya boleh diaplikasikan jika aset warisan berkenaan menepati kriteria pengiktirafan bagi aset hartanah, loji dan peralatan. Ini disebabkan terdapatnya beberapa persoalan berkaitan pengiktirafan aset warisan yang perlu diberi perhatian.

Bagi meminimumkan risiko kesilapan dan salahnyataan dalam pelaporan kewangan, isu-isu seperti yang dinyatakan di atas dan yang seumpama dengannya perlu ditangani dengan penambahbaikan polisi dan piawaian perakaunan. Begitu juga dengan penambahbaikan undang-undang dan peraturan seperti akta dan pekeliling kewangan sedia ada yang berkaitan. Negara United Kingdom dan Amerika Syarikat misalnya mempunyai piawaian perakaunan khusus bagi aset warisan iaitu FASAB 2011: *Statement of Federal Financial Accounting Standards – Heritage Assets and Stewardship Land* (bagi Amerika Syarikat) dan UK *Financial Reporting Standard (FRS) 30 – Heritage Assets*. Dalam konteks Malaysia, kesemua penambahbaikan yang dimaksudkan perlulah selari dengan peruntukan piawaian antarabangsa, amalan terbaik negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan dan mengambilkira keperluan tempatan. Sokongan kerajaan untuk mewujudkan polisi dan piawaian perakaunan serta undang-undang dan peraturan khusus bagi aset kerajaan yang mempunyai ciri khusus dan unik seperti aset warisan merupakan suatu tindakan yang pro-aktif bagi meminimumkan kemungkinan berlakunya salahnyataan material dalam perakaunan dan pelaporan kewangan kerajaan.

**4) Mewujudkan manual atau garis panduan perakaunan dan pelaporan khusus bagi aset warisan serta garis panduan penyediaan penyata kewangan kerajaan.**

Manual atau garis panduan perakaunan dan pelaporan khusus bagi aset warisan juga diperlukan bagi membolehkan pelaksanaan perakaunan asas akruan bagi aset berciri khusus dan unik ini berjaya diperingkat operasi. Selain tu, adalah dicadangkan juga satu garis panduan bagi penyediaan penyata kewangan tahunan kerajaan secara keseluruhan disediakan. Dengan adanya garis panduan terperinci ini dapat memudah dan mempercepatkan proses perakaunan dan penyediaan penyata kewangan, di samping dapat meminimumkan risiko salahnyataan akibat kesilapan dalam pembuatan keputusan yang terlibat disepanjang proses perakaunan dan penyediaan penyata kewangan tersebut.

Amalan negara-negara seperti United Kingdom New Zealand dan Australia, selain mengikuti keperluan piawaian perakaunan, mereka juga mempunyai manual atau garis panduan khusus untuk perakaunan aset yang mempunyai ciri khusus dan unik seperti aset warisan serta manual atau garis panduan khusus untuk penyediaan penyata kewangan. Contoh manual dan garis panduan yang dimaksudkan adalah *Government Financial Reporting Manual 2012-2013* (United Kingdom); *Guidance on Accounting for Heritage Assets* (United Kingdom & Scotland), *Preparing the Annual Report: Technical and Process Guide for Departments* (New Zealand) dan *Accounting Policies – Heritage and Community Assets* (Australia).

**5) Mewujudkan garis panduan khusus untuk penilaian aset warisan.**

Oleh kerana IPSAS 17 tidak menetapkan kaedah penilaian aset warisan, maka satu garis panduan khusus bagi penilaian aset amat diperlukan lebih-lebih lagi bagi aset yang mempunyai ciri-ciri khusus dan unik seperti aset warisan, yang sukar ditentukan nilai yang munasabah dan boleh dipercayai (Grubisic, Nusinocic & Koje, 2009). Di New Zealand misalnya, walaupun mempunyai polisi perakaunan khusus untuk aset yang mempunyai ciri khusus dan unik, negara ini juga mempunyai garis panduan khusus untuk penilaian aset-aset ini iaitu *Valuation Guidance for Cultural and Heritage Assets; Infrastructure Assets Valuation and Depreciation Guidelines*. Begitu juga di United Kingdom, mereka merangka satu garis panduan khusus iaitu *Valuations of Specialised Public Service Assets – Exposure Draft*.

**6) Mewujudkan jawatankuasa kepakaran atau melantik syarikat penilai yang mempunyai kepakaran khusus bagi penilaian aset kerajaan yang mempunyai ciri-ciri khusus dan unik;**

Keperluan pembentukan sebuah Jawatankuasa Kepakaran untuk tujuan penilaian aset-aset yang mempunyai ciri khusus dan unik seperti aset warisan adalah kritikal bagi tujuan pelaksanaan perakaunan asas akruan. Aset yang telah diperoleh perlu dinilai untuk mendapatkan suatu amaun yang mencerminkan nilai aset tersebut untuk direkodkan dalam akaun aset. Peranan jawatankuasa kepakaran ini juga penting untuk tujuan penilaian semula aset. Bagi aset yang akan dibeli pula jawatankuasa ini memainkan peranan dalam mempertimbangkan kewajaran nilai yang ditawarkan oleh pihak penjual. Sebagai contoh, dalam proses pembelian sesuatu artifak bagi koleksi muzium, penentuan kewajaran pembelian artifak tersebut dengan harga yang ditawarkan perlu melalui proses penilaian oleh jawatankuasa kepakaran supaya hanya aset dengan harga yang munasabah sahaja dibeli oleh jabatan. Pada masa ini hanya Jabatan Muzium dan Jabatan Arkib mempunyai jawatankuasa kepakaran yang dimaksudkan dan mengamalkan penggunaan perkhidmatan jawatankuasa tersebut. Oleh itu, peranan jawatankuasa ini perlu diperluaskan meliputi aset-aset warisan di bawah kendalian Jabatan Warisan Negara seperti bangunan dan tapak warisan. Penilaian yang dibuat bukan sahaja dapat menentukan harga perolehan yang munasabah bagi aset yang dibeli tetapi juga nilai yang munasabah dan boleh dipercayai bagi kesemua aset warisan berkenaan bagi memenuhi keperluan perakaunan asas akruan.

**7) Latihan pengukuhan modal insan terutama bahagian kewangan dan akaun khusus bagi aset kerajaan yang mempunyai ciri-ciri khusus dan unik.**

Aset negara yang mempunyai ciri khusus dan unik seperti aset warisan ini memerlukan pihak yang terlibat mengurus dan mengakaun aset berkenaan memahami dengan baik ciri-ciri khusus dan keunikan aset-aset ini bagi memastikan tatacara perakaunan dan pelaporan memberikan gambaran yang benar dan saksama. Contohnya terdapat

cabaran dan kesukaran dalam penentuan nilai kewangan yang munasabah dan boleh dipercayai bagi aset warisan. Justeru, latihan pengukuhan modal insan amat penting bagi memastikan kakitangan yang terlibat berpengetahuan dan mampu menguruskan aset-aset yang mempunyai ciri-ciri khusus dan unik seperti aset warisan dengan cekap dan mengakaunkannya mengikut tatacara perakaunan yang tepat mengikut perakaunan asas akruan.

Sebagai rumusan, kajian ini diharap dapat membantu pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia khususnya dan pihak kerajaan amnya dalam menghadapi peralihan amalan perakaunan kepada asas akruan terutama bagi perakaunan dan pelaporan aset yang mempunyai ciri khusus dan unik seperti aset warisan. Cadangan-cadangan yang dikemukakan hasil daripada kajian ini merupakan cadangan yang praktikal dan boleh dipertimbang untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun cadangan yang dikemukakan adalah terhad kepada skop kajian di jabatan dan kementerian yang dipilih. Terdapat misalnya pengurusan aset warisan di organisasi kerajaan lain seperti aset warisan di galeri seni yang tidak diambilkira dalam kajian ini. Selain itu, aset warisan tidak ketara dan aset warisan orang hidup memerlukan kajian yang lebih mendalam dan berkemungkinan menimbulkan isu yang berlainan dari segi perakaunan dan pelaporannya. Dapatan kajian ini boleh menjadi panduan untuk kajian-kajian selanjutnya tentang aset-aset yang mempunyai ciri-ciri khusus dan unik ini terutamanya aset warisan. Dapatan kajian juga boleh menjadi asas dalam menentukan perakaunan dan pelaporan terbaik bagi aset warisan serta asas untuk memperbaiki perundangan dan peraturan berkaitan, bukan sahaja kepada Kerajaan Persekutuan tetapi juga kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang juga mempunyai dan mengendalikan aset-aset berkenaan.

Seterusnya, adalah diharapkan hasil kajian ini dapat menyumbang kearah agenda transformasi kewangan kerajaan bagi mengukuhkan pengurusan kewangan awam agar rakyat dan pihak berkepentingan yang lain mendapat gambaran yang lebih tepat dan menyeluruh tentang prestasi dan kedudukan kewangan kerajaan. Ini seterusnya akan dapat meningkatkan ketelusan dan memperkasakan akauntabiliti kerajaan.

## Rujukan

- Allen, T. L. (2002). Public accountability and government financial reporting di dalam Model of Public Budgeting and Accounting Reform. *OECD Journal on Budgeting*. 2(1), 11–36.
- Axinn, W.G & Pearce, L.D. (2006). *Mixed method data collection strategies*. Cambridge, K:Cambridge University Press.
- Bergmann, A. (2011). Enhancing public sector governance through the implementation of accrual accounting. *The National Public Sector Accountants Conference (NAPSAC 2011)*. Anjuran Malaysian Institute of Accountants, Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia & Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Kuching, Sarawak, 6 Jun
- Blondal, J. (2003). Accrual accounting and budgeting: key issues and recent developments. *OECD Journal on Budgeting*. 3(1), 43-59.
- Caperchione, E. (2006). *The New Public Management—A Perspective for Finance practitioners*,

ssels: FEE.

- Chan, J. (2003). Government Accounting: An Assessment of Theory, Purposes and Standards, *Public Money and Management*, 23(1), 13-20.
- Christiaens, J. (2004). Capital assets in governmental accounting reforms: comparing Flemish technical issues with international standards. *European Accounting Review*.13(4). 743-770.
- Christiaens, J., Rommel, J., Barton, A. & Everaert, P. (2012) "Should all capital goods of governments be recognised as assets in financial accounting?", *Baltic Journal of Management*, 7(4), 429 – 443.
- Jabatan Warisan Negara. (2012). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*.
- Groot, T. & Budding, T. (2008). New public management: current issues and future prospects. *Financial Accountability & Management*. 24(1), 1-13.
- Grubisic, M, Nusinovic, M. & Roje, G. (2009). Towards Efficient Public Sector Assets Management. *Financial Theory and Practice*, 33(3), 329-362.
- Hepworth, N. (2003). Preconditions for successful implementation of accrual accounting in central government. *Public Money & Management*. January: 37-44.
- IFAC. (2011). *Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements*. International Federation of Accountants, New York.
- IPSASB. (2011). Study 14. Transition to the Accrual Basis of Accounting: Guidance for Public Sector Entities (3rd Ed). New York: IFAC.
- Khan, A. & Mayes, S. (2009). Transition to accrual accounting. *IMF Technical Notes and Manuals*, 1-20.
- MAPEN (2010). *Model Baru Ekonomi Untuk Malaysia Bahagian Akhir*.
- Marshall, C. & Rossman, G. B. (1989). *Designing Qualitative Research*. Newbury Park, CA: Sage.
- MIA. (2011). The case for accrual accounting. *Accountants Today*. Jun: : 6-10.
- Ouda, H.A.G. (2010). A prescriptive model of the transition to accrual accounting in central government. *International Journal Of Governmental Financial Management*. X(1) : 63-94.
- Patton, M. Q. (1980). *Qualitative Evaluation Methods*. Beverly Hills: Sage.
- Wynne, A. (2004). Is the move to accrual based accounting a real priority for public sector accounting?

**LAMPIRAN A**  
**PERBANDINGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN DAN PELAPORAN ANTARA NEGARA BAGI ASET WARISAN**

	NEW ZEALAND	UNITED KINGDOM	UNITED STATES	AUSTRALIA
<b>PAWAIAN</b>	<p><b>FRS-3</b> Accounting for Property Plant &amp; Equipment</p> <p><b>Heritage and cultural assets</b> are those assets that are held for the duration of their physical lives because of their unique cultural, historical, geographical, scientific, and / or environmental attributes. They assist holders of the assets to meet their objectives in regard to exhibition, education, research and preservation, all of which are directed at providing a cultural service to the community. In the context of this proposal, cultural and heritage assets include, but are not limited to:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) General collections in libraries;</li> <li>2) Heritage collections in libraries;</li> <li>3) Museum collections;</li> <li>4) Art gallery collections;</li> <li>5) Historical documents, historical monuments and heritage assets held in local authority trusts.</li> </ol> <p>(Source: Valuation Guidance for Cultural and Heritage Assets)</p>	<p><b>FRS 30</b> (Financial Reporting Standard) Tangible Fixed Assets</p> <p>A tangible asset with historical, artistic, scientific, technological, geophysical or environmental qualities that is held and maintained principally for its contribution to knowledge and culture. (Source: FRS 30 UK)</p>	<p><b>SFFAS 29</b> Statement of Federal Financial Accounting Standards 29 Heritage Assets and Stewardship Land</p> <p><b>Heritage assets</b> are property, plant and equipment (PP&amp;E) that are unique for one or more of the following reasons:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Historical or natural significance,</li> <li>2) Cultural, educational, or artistic (e.g., aesthetic) importance; or</li> <li>3) Significant architectural characteristics.</li> </ol> <p><b>Heritage assets consist of;</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Collection type heritage assets, such as objects gathered and maintained for exhibition, for example, museum collections, art collections, and library collections.</li> <li>2) Non-collection-type heritage assets, such as parks, memorials, monuments, and buildings.</li> </ol> <p>(Source: Federal Accounting Standards Advisory Board (FASAB), SFFAS 29, Heritage Assets and Stewardship Land )</p>	<p><b>AASB 116</b> Australian Accounting Standard Board Accounting for Property, Plant &amp; Equipment.</p> <p><b>Cultural heritage assets</b> include all places and objects of aesthetic, cultural, historic, scientific, social or spiritual value. This includes places and objects of significance to all Victorians from the first inhabitants to recent arrivals. (Source: Heritage Victoria, <a href="http://www.heritage.vic.gov.au/Home.aspx">http://www.heritage.vic.gov.au/Home.aspx</a>)</p>
<b>DEFINISI</b>				

<p><b>PENGIKTIKIRAFAN</b></p>	<p>FRS-3 requires all cultural and heritage assets (including collection assets) that meet the definition of PPE and <b>can be reliably measured</b>, to be recognized in the entity's financial statements.</p>	<p>Where assets have previously been capitalized, or are recently purchased, information on their cost or value will be available. Where this information is not available, and cannot be obtained at a cost which is commensurate with the benefits to users of the financial statements, the assets will not be recognized in the balance sheet and the disclosures required by this standard should be made.</p>	<p>With the exception of multi-use heritage assets (addressed in par. 22) the cost of acquisition, improvement, reconstruction, or renovation of heritage assets should be recognized on the statement of net cost for the period in which the cost is incurred. The cost<sup>3</sup> should include all costs incurred during the period to bring the item to its current condition (See par. 26 of SFFAS 6 for examples of the costs to be considered).</p> <p>With the exception of multi-use heritage assets (addressed in par.23) no amounts for heritage assets acquired through donation or devise<sup>4</sup> should be recognized in the cost of heritage assets.</p> <p>With the exception of multi-use heritage assets (addressed in par.24) transfers of heritage assets from one Federal entity to another do not affect the net cost of operations or net position of either entity. However, in some cases, assets included in general PP&amp;E may be transferred to an entity for use as heritage assets. In this instance, the transferring entity should recognize a transfer-out of capitalized assets.</p>	<p>Assets are recognized only when it is probable that future economic benefits will result and the cost can be reliably measured.</p>
-------------------------------	--	---	---	--

	NEW ZEALAND	UNITED KINGDOM	UNITED STATES	AUSTRALIA
